



Menarik di dalam

Logo MPK 131

Lawatan Timbalan PM

Warta Warisan MPK diterbitkan oleh:
Pusat Sumber / E-Library MPK,
Bangunan Pejabat Cawangan MPK,
Jalan Tengku Kelana, 41200 Klang.
Kurator: +603 33758088
Pusat Sumber: +603 33758006

Sidang Redaksi

Penaung

Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin

Penasihat

Norfiza binti Mahfiz

Pengarang / Editor / Penyelidik

Faisal bin Dato' Haji Surani

Reka Bentuk Grafik & Kreatif

Mazlan bin Yahya
Mohd Shahril bin Sanip

Pelatih Praktikal

Rashidah Suria binti Radiman



**Ulang Tahun ke-131 MPK:
Klang Sejahtera Misi Utama**

Klang, 6 Ogos 2021 – Pada 1 Ogos 2021 lalu, genaplah usia MPK 131 tahun. Sejarah dengan usianya, MPK telah melalui pelbagai kejayaan dan cabaran, onak dan duri, dari zaman penjajahan, kemelesetan ekonomi, perang dunia, darurat, kemerdekaan hinggalah hari ini yang telah memantapkan gerak kerja dan pentadbirannya.

Menurut Yang Dipertua MPK, Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Klang Sejahtera merupakan misi utama Majlis Perbandaran Klang dan sentiasa mengutamakan kepentingan kesejahteraan masyarakat termasuk dari segi pengurusan perbandaran, kebersihan setempat, keindahan landskap, penyediaan kemudahan infrastruktur awam serta keceriaan komuniti yang diselaraskan oleh ahli majlis kawasan.

“Masyarakat Klang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, perlu ada tolak ansur, toleransi dan hormat menghormati. Oleh itu, Klang perlu mengangkat semula Klang Sejahtera, mengangkat semula keseimbangan di dunia dan di akhirat serta menyumbang kepada masyarakat di Klang untuk kesejahteraan kawasan kita,” kata beliau lagi.

Logo MPK 131

Wawancara oleh Rashidah Suria binti Radiman

Klang, 4 Ogos 2021 – Sejahtera dan dinamik menjadi asas kepada konsep logo sambutan Ulang Tahun MPK ke-131.

Menurut Mazlan bin Yahya, pereka logo, kedua-dua konsep berkenaan melambangkan kehidupan masyarakat dan pembangunan pesat Klang. Warga Klang kini menikmati taraf kehidupan yang lebih baik jika dibandingkan dahulu dan kemajuan pesat yang dicapai di bawah pentadbiran MPK telah menjamin kesejahteraan serta kesejahteraan penduduk Klang.

“Pada masa dahulu, di samping berfungsi sebagai Bandar Diraja, Klang berperanan sebagai pusat pengumpulan bahan mentah dan kontan seperti timah, getah serta kelapa sawit, namun pada hari ini kita lihat Klang dihiasi dengan pelbagai pembangunan infrastruktur seperti kompleks beli belah, taman perumahan, pusat industri, jalinan lebuhraya dan jajaran LRT 3.



Beliau berkata angka 131 pada logo berkenaan melambangkan bukan sahaja usia MPK, tetapi membawa makna taraf ekonomi yang semakin meningkat serta kepesatan pembangunan infrastruktur di bandar Klang.

Menurut beliau Gerbang Kota Raja Mahadi melambangkan kehebatan sejarah silam Klang manakala warna hijau melambangkan daerah Klang yang subur dan produktif.

Warna kuning melambangkan Klang sebagai Bandar Diraja, unsur keberanian diwakili oleh warna merah dan unsur ketenangan pula dilambangkan oleh warna biru.

“Secara keseluruhan, logo ini membawa maksud Klang Bandar Diraja yang pesat membangun,” ujar beliau lagi.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

MPK bermula pada 1 Ogos 1890 sebagai Lembaga Kebersihan Klang (Klang Sanitary Board) dan telah melalui pelbagai naik taraf sejajar dengan pencapaian kejayaannya yang cemerlang dalam mengurus dan mentadbir bandar Klang.

Bagi menyelaraskan pentadbiran, Lembaga Kebersihan Port Swettenham (Port Swettenham Sanitary Board) telah digabungkan dengan Lembaga Kebersihan Klang mulai tahun 1926.

Selepas Perang Dunia Kedua, Lembaga Kebersihan Klang telah dinaik taraf kepada Lembaga Bandaran Kelang pada Disember 1945 dan seterusnya sebagai Majlis Bandaran Kelang pada tahun 1954 selaras dengan perkembangan sistem pentadbiran tempatan.

Gabungan Majlis Bandaran Kelang bersama Majlis Tempatan Kapar, Majlis Tempatan Meru dan Majlis Tempatan Port Swettenham telah membawa kepada pembentukan Majlis Daerah Klang pada tahun 1971.

Penyusunan semula pihak-pihak berkuasa tempatan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) menyaksikan Majlis Daerah Klang dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran Klang yang kita kenali hari ini pada tahun 1977.

Jabatan Komunikasi Korporat MPK menganjurkan beberapa program bagi memeriahkan sambutan. Antaranya adalah Majlis Bacaan Yasin serta Doa Selamat, persembahan sajak serta pantun dalam talian dan webinar sejarah Klang. Maklumat tentang program berkenaan ada disiarkan di dalam Warta Warisan MPK bulan ini.

Apakah Klang Bandar Diraja berperanan dalam proses kemerdekaan negara? Persoalan ini yang cuba dijawab dalam satu berita ringkas dalam Warta bulan ini.

Salam Maal Hijrah 1443 dan Selamat Hari Kebangsaan 2021.

*Faisal bin Dato' Haji Surani
Kurator*



Perutusan Yang Dipertua MPK Sempena Ulang Tahun MPK ke-131

Oleh Rashidah Suria binti Radiman 25 Ogos 2021



Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati
sekalian,

Kalau kita boleh bayangkan, 131 tahun ini
bersamaan 13 dekad. Kita sebenarnya adalah
generasi yang mewarisi. Pada tahun 1890 kita juga
tidak mengenali siapa mereka tetapi, mereka inilah
yang telah meletakkan batu asas Majlis Perbandaran
Klang yang kita berkhidmat pada hari ini. Ada di
antara kita yang memang orang Klang yang
mempunyai ilmu yang mungkin datuknya bekas
penjawat awam yang berkhidmat di Majlis
Perbandaran Klang di mana pada hari ini kita
mewarisinya pula. Apabila kita mewarisi, ini
bukanlah mudah dan perlu berkhidmat dengan baik.

131 tahun bukanlah suatu jangka masa yang
singkat. Kita telah melalui Perang Dunia Pertama,
Perang Dunia Kedua dan pelbagai isu telah pun
berlaku dalam tempoh ini. Rentetan dari sejarah ini,
gerakan-gerakan nasionalisme dan kemerdekaan.
Tidak ramai orang tempatan boleh bekerja di pejabat
tempatan, maknanya gunakanlah ruang yang ada ini
tanpa mengira jawatan sekalipun, lakukanlah yang
terbaik bagi maksud kesejahteraan bandar Klang.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati
sekalian,

Klang Sejahtera merupakan misi utama
Majlis Perbandaran Klang dan sentiasa
mengutamakan kepentingan kesejahteraan
masyarakat termasuk dari segi pengurusan
perbandaran, kebersihan setempat, keindahan
landskap, penyediaan kemudahan infrastruktur
awam serta keceriaan komuniti yang diselaraskan
oleh ahli majlis kawasan.

Dalam konteks Klang, kita hidup dari segi
pelbagai kaum, agama dan sebagainya. Tapi di
sinilah dari segi toleransi, segi agamanya. Saya
melihat Klang ini dalam piagam Madinah di mana
ada perjanjian Muslim dan bukan Muslim semasa
zaman Rasulullah SWT dan Islam hidup sebegitu
rupa dan kita hidup juga di mana jiran-jiran kita
terdapat yang Islam dan bukan Islam. Dalam pada
mendepani cabaran ini, banyak isu-isu toleransi,
isu menghormati. Oleh itu, Klang perlu
mengangkat semula Klang sejahtera, mengangkat
semula keseimbangan di dunia dan di akhirat.
Kita perlu menunjukkan bahawa kita bekerja, kita
membantu, menyumbang kepada masyarakat di
Klang untuk kesejahteraan kawasan kita.

MPK juga akan berusaha untuk
memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan
terbaik kepada masyarakat dan peranan majlis
akan terus diperhebat untuk memastikan warga
Klang hidup dalam keadaan yang harmoni di
samping persekitaran yang selamat untuk dihuni.
Bermaksud, kita sentiasa berhadapan dengan
aduan yang tidak akan pernah habis. Kita
berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang
terbaik dan kita perlu mencabar diri kita
bagaimana kitab oleh laksanakan dengan keadaan
yang lebih baik. Kita perlulah bekerja dalam satu
pasukan dan memberikan yang terbaik supaya
kita dapat bekerja dengan lebih baik dan
memberikan kualiti perkhidmatan yang lebih baik
bukan sahaja untuk Klang, tetapi juga buat diri
kita untuk menghadapi hari kemudian.

Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin

**Program Sambutan
Ulang Tahun Ke-131
MAJLIS PERBANDARAN KLANG**



**6/8/2021
Jumaat**

PROGRAM:

- BACAAN YASSIN DAN DOA SELAMAT PERDANA
- PERUTUSAN TUAN YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KLANG
- PERSEMBAHAN DEKLAMASI SAJAK / PUISI / PANTUN KAKITANGAN MPK (Disiarkan dalam FB Majlis Perbandaran Klang)

ATURCARA:

- 8.30 pg. - Bacaan Yassin dan Doa Selamat
- Perutusan Tuan Yang Dipertua, MPK
- Persembahan Deklamasi Sajak, Puisi dan Pantun

*Rakaman video sendiri berdurasi tidak lebih 1 minit bagi persembahan deklamasi sajak/puisi/pantun boleh dihantar menerusi emel sebelum jam 3.00 ptg Khamis 5/8/2021, kepada :

unit.penerbitan@mpklang.gov.my



MAJLIS PERBANDARAN KLANG
www.mpklang.gov.my

Semua program akan dijalankan secara "ONLINE"

Majlis Perbandaran Klang MPKCare mpkcare

Dari Album Pusat Sumber MPK



Pintu gerbang di Jalan Istana, Klang sempena Ulang Tahun MPK ke-100 pada tahun 1990 yang ditaja oleh sebuah syarikat swasta.

**Program Sambutan
131 MPK**

Klang, 5 Ogos 2021 – Jabatan Komunikasi Korporat MPK menganjurkan beberapa program bersempena dengan Ulang Tahun MPK ke-131 pada 1 Ogos 2021.

Program pertama adalah bacaan Surah Yasin dan Doa Selamat yang diadakan pada hari Jumaat, 6 Ogos 2021 diikuti oleh Perutusan Yang Dipertua MPK dan persembahan Deklamasi Sajak, Puisi dan Pantun secara dalam talian oleh kakitangan MPK.

Ini diikuti oleh Pertandingan Kuiz 131 MPK secara dalam talian yang akan diadakan pada 31 Ogos 2021. Pertandingan sehari dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang ini akan menyediakan hadiah wang tunai yang menarik dan terbuka kepada kakitangan MPK serta orang ramai.

Program ketiga yang akan dianjurkan adalah Webinar Sejarah dan Warisan Klang 2021. Webinar yang terbahagi kepada 3 bahagian akan diadakan pada bulan September, Oktober dan November 2021. Beberapa orang pembicara yang terdiri daripada para pensyarah, pakar-pakar dan golongan profesional akan diundang bagi menjayakan webinar ini.

Pertandingan Kuiz 131 MPK Klang

Hadiah

Johan	RM300.00
Nail Johan	RM200.00
Ke-3	RM150.00
Ke-4	RM100.00
Ke-5	RM100.00

MASA: 9.00 Pagi Hingga 1.00 Petang

TARIKH: 31 Ogos 2021 Selasa

TEMPAT: Secara dalam talian

Sebarang pertanyaan sila hubungi:-
UNIT PEMBANGUNAN SOSIAL DAN PROGRAM JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT, MAJLIS PERBANDARAN KLANG
Tel : 0333758056 Email : unit.penerbitan@mpklang.gov.my

Persembahan Sajak dan Pantun MPK 131

Oleh Rashidah Suria binti Radiman 24 Ogos 2021



Siti Nur Balqis Mohd Jaini
Jabatan Pusat Setempat (OSC)

Siti Nur Balqis empunya diri,
Mengalun pantun buat tatapan,
Sambutan ulang tahun tema diberi,
Dengarlah wahai tuan dan puan.

Mentadbir urus kesejahteraan masyarakat,
Indah dan permai terus berkekalan,
Menggenggam kata penuh azimat,
Berteras perpaduan sendi kekuatan.

Tertubuh teguh kemudi pentadbiran,
Beratus tahun terus gemilang,
Berpandukan Akta Kerajaan Tempatan,
Terus megah Majlis Perbandaran Klang.

Masa bersua usah dipersia,
Moga tersemat di sanubari,
Terkasar bahasa adat manusia,
Izinkan saya mengundur diri.

Ratu Kembayat bersanggul merah,
Dilihat manis cantik jelita,
Satu abad mengukir sejarah,
Bandar Diraja memayungi jelata.



Muhammad Shukur Suhaimi
Jabatan Komunikasi Korporat

Lebat daun pohon meranti,
Sayang gugur menyembah darat,
MPK membangun menabur bakti,
Menjadi pilihan di hati rakyat.

“Klang Di Hatiku”

131 tahun Gedung Raja Abdullah menjadi saksi Klang,
Wargaku tidak lagi sengsara,
Menangis gembira mendapat cahaya,
Tiada lagi penjajahan, tiada lagi penderitaan,
Tiada lagi jeritan penyeksaan,
Klangku ditadbir insan bijak bestari,
Memimpin Klang
Mengukir nama seindah Klang Bandar Diraja.

Kini 131 tahun sudah berlalu,
Klang pun cemerlang, gemilang dan terbilang,
Menjadi tanda Klangku aman dan harmoni,
Perpaduan sendi kekuatan,
Ku genggam erat amanah yang diberi,
Bertahanlah Klangku,
Semangatkanlah semangat jiwa bangsa di lubuk hati,
Semoga MPK ku kekal selamanya.



“Klang Di Hatiku”
Siti Halijah
Jabatan Pusat Setempat (OSC)



"Sejarah Kita"
Athirah Ab. Malek
Jabatan Penilaian Harta

"Sejarah Kita"

Dulunya sejarah tertulis
Kuasa menjadi angkara
Dua saudara bersengketa
Meninggalkan saksi bisu
Sejarah Kota Mahadi

Majlis Perbandaran Klang
yang dahulunya tapak Kota Mahadi
Kini telah berusia 131 tahun
Megah menerangi tadbir urus
Warga Klang Bandar Diraja

Perpaduan sendi kekuatan
Sama-sama menjaga keamanan
Elakkan perpecahan dan persengketaan
supaya hidup aman sejahtera.

"Daerah Ini"

Lontarkan pandanganmu ke dada langit
Di daerah paling luas negerinya
Di daerah yang diimpi harap, dipuja maju
Namun daerah ini tidak kebal
Dari kecaman modenisasi
Walhal mereka turut menggali kumpul
Segala nikmat yang terkandung di dalamnya

Bukalah lembaran sejarah
Daerah ini pernah tercatat
tadbir mega yang unggul
Terusan ekonomi yang masyhur

Cintailah daerah ini seadanya
Dengan keluhuran hati
Biar terwaris jasa dan teladan
Semoga kemuliaan insan berkembang luas
Menjadi sebuah legasi



Sekian, deklamator puisi
Jabatan Penguatkuasa

Norhaslin Sulaiman

Hafzi Affandi Mohd Zin

Suzana Ibrahim



Klang Tempoh Dulu

Hadiah untok
station bus

KLANG. Ahad.—Station Bus Sharikat Omnibus Kuala Lumpur-Klang-Port Swettenham dan Sharikat Omnibus Kuala Selangor di-sini telah memenangi hadiah pertama kerana menjadi pekarangan yang telah di-hias dengan terbaiknya untok perayaan Merdeka.
Tempat kedua di-peroleh oleh Hock Ban Seong & Company, dan ketiga ialah Soon Joo Rubber Dealer.

Pada tahun 1957, Majlis Bandaran Kelang telah menganjurkan Pertandingan Hiasan Bangunan Tercantik di bandar Klang sempena menyambut kemerdekaan negara Malaysia.

Kanan - petikan akhbar Berita Harian, 9 September 1957, halaman 3

Lawatan Rasmi Timbalan Perdana Menteri Ke Klang Sempena Kemerdekaan



Foto internet

Klang, 13 September 1957 – Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan, Dato' Abdul Razak bin Hussein telah melakukan lawatan rasmi pertama kali ke Klang bersempena dengan sambutan kemerdekaan peringkat negeri Selangor.

Dalam ucapannya, Dato' Abdul Razak menyeru orang ramai bekerjasama dengan kerajaan agar darurat dapat ditamatkan pada bulan Ogos tahun depan.

“Pegganas-peganas komunis sedang mensia-siakan kehidupan mereka di hutan. Jika mereka berkeras kepala dan masih bercita-cita hendak terus mengamalkan fahaman komunis, mereka boleh berbuat demikian dengan menyerah diri dan akan dihantar balik ke negara China.”

Beliau berkata demikian pada Majlis Jamuan Teh Kemerdekaan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Bandaran Kelang. Turut hadir Menteri Besar Selangor Muhamad Ismail bin Abdul Latiff, Duta Besar Indonesia, Dr. Mohamed Razif serta Menteri Tanaman, Abdul Aziz bin Ishak.

Federation of Malaya Agreement 1957

Kuala Lumpur, 26 Jun 1957 – Persidangan Raja-raja Melayu hari ini telah sebulat suara bersetuju menetapkan Istana Bukit Kota di Klang sebagai tempat berlangsungnya Majlis Menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang akan diadakan pada 5 Ogos 1957 di antara Raja-raja Persekutuan Tanah Melayu dengan Ratu England.

Pemilihan ini adalah satu penghormatan besar bagi bandar Klang kerana diberikan peranan penting dalam proses kemerdekaan negara.

Pada persidangan tersebut, Raja-raja Melayu telah meneliti kandungan draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.



Foto internet

Atas: Majlis Pemeteraian Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 5 Ogos 1957

Kanan: Petikan akhbar *The Straits Times*, 27 Jun 1957 halaman 7



Kutub Khanah Kurator: Pembinaan Kompleks Majlis Bandaran Kelang 1964



Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sedang mendengar penerangan tentang pembinaan kompleks Majlis Bandaran Kelang di Kota Raja Mahadi sewaktu Majlis Peletakan Batu Asas Bangunan Sultan Abdul Aziz pada hari Isnin, 6 Januari 1964. Foto koleksi peribadi Faisal Surani. Salah satu foto yang terdapat dalam Pangkalan Data Sejarah dan Warisan di Pusat Sumber MPK.

Monumen Warisan Klang: Arkitek Bangunan Sultan Abdul Aziz

Bangunan Sultan Abdul Aziz telah direka oleh arkitek Kho Tje Jam atau lebih dikenali sebagai T.J. Kho. Berasal dari Indonesia, beliau telah berhijrah ke Tanah Melayu dan menubuhkan Syarikat T.J. Kho dan Sekutu Arkitek Berkanun di Kuala Lumpur.




Foto kiri adalah lakaran asal Kompleks Majlis Bandaran Kelang oleh T.J. Kho dan foto atas merupakan model Kompleks Majlis Bandaran Kelang yang lengkap dengan pejabat, dewan, menara jam, kolam renang, gelanggang bola keranjang serta badminton.

Foto koleksi peribadi Faisal Surani

